

03/09/1999

Bersaing dengan syarikat gergasi asing

UNTUK menempa kemajuan berterusan, setiap usaha memerlukan kesinambungan. Selepas sesuatu projek dilaksana, pemikiran harus ditumpukan kepada projek berikutnya, diikuti perancangan teliti. Peluang bukan saja perlu direbut bagi membina projek atau perusahaan di dalam negara, malah dalam dunia tanpa sempadan ini, Malaysia perlu memperkenalkan diri mereka di peringkat antarabangsa. Dengan cara ini lebih ramai pengusaha tempatan dapat diwujudkan apabila pengagihan kerja kian meluas di serata dunia. Langkah ini bukan saja meningkatkan kemahiran, malah ia akan membesarkan perniagaan mereka.

Bagi syarikat yang baru menunjukkan prestasi cemerlang, mereka boleh merebut peluang di dalam negara, manakala bagi syarikat yang sudah mempunyai nama, mereka seharusnya merebut peluang di luar negara pula. Seboleh mungkin, syarikat Malaysia perlu menyaingi kemampuan syarikat ternama dari Amerika Syarikat, Britain, Jerman, Perancis dan sebagainya. Jika syarikat Jepun atau Korea boleh mengukir nama di persada dunia dengan projek raksasanya, tidak ada sebab pengusaha Malaysia tidak boleh melakukan perkara yang sama. Diharapkan perluasan `wilayah' ini tidak seharusnya tertumpu kepada syarikat milik kaum bukan Bumiputera semata-mata. Syarikat Bumiputera juga seharusnya merebut peluang ini. Setidak-tidaknya syarikat berkenaan perlu bergabung tenaga mencari peluang yang luas terbuka. Syarikat-syarikat Malaysia tidak seharusnya lagi melihat peluang berkenaan direbut oleh syarikat atau kontraktor asing.

Jika selama ini syarikat asing menjelajah ke seluruh dunia untuk mencari perusahaan dan perniagaan baru, sudah sampai masanya Malaysia mengikuti langkah berkenaan. Tidak dapat dinafikan memang sudah ada ahli perniagaan dan pengusaha Malaysia mendapat tempat di beberapa negara untuk menjalankan projek besar-besaran, ia hanya terbatas kepada beberapa syarikat. Malah, projek yang mereka laksanakan masih dianggap tidak sepadan dengan kemampuan mereka. Ia sudah pun bermula dan kini adalah masanya untuk mengembangkan sayap supaya menerokai projek lebih mencabar.

Sememangnya, lebih ramai rakyat Malaysia diperlukan untuk mengorak langkah lebih jauh. Ia tidak seharusnya terbatas untuk merebut peluang di negara - jiran, negara Selatan-Selatan atau negara miskin semata-mata. Jika boleh mereka mengambil bahagian dalam projek besar-besaran di negara maju. Rakyat mengharapkan mereka memenangi tender yang turut disertai syarikat gergasi negara maju.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah pun memberi lampu hijau kepada pengusaha tempatan untuk berbuat demikian. Kepada mereka yang terbabit dalam industri pembinaan, Dr Mahathir memberi restu supaya mereka memanfaatkan pengetahuan dan pengalaman mengendalikan projek besar kerajaan untuk mendapatkan kontrak asing.

Beliau memberi sokongan itu kerana yakin keupayaan Malaysia dalam sektor pembinaan di luar negara yang kini semakin memberangsangkan berikutan kemampuan negara mengeluarkan pelbagai produk bermutu tinggi. Beliau mahukan syarikat tempatan menyertai syarikat asing untuk mendapatkan tender pembinaan di luar negara. Bagi syarikat Malaysia, pembinaan bangunan besar, jambatan, landasan kereta api, lebuh raya, menara dan sebagainya, bukan perkara asing lagi. Rekod kejayaan yang dikuatkan lagi dengan penggunaan teknologi tinggi dikuasai oleh kebanyakan syarikat ternama di negara ini sudah cukup untuk membolehkan mereka berdiri sama tinggi dengan syarikat-syarikat asing lain. Setidak-tidaknya mereka boleh

menjadi rakan kongsi syarikat yang lebih besar di dunia.

Satu peluang yang perlu direbut ialah memperkenalkan produk Malaysia di luar negara terutamanya bahan-bahan binaan. Malaysia mempunyai pelbagai bahan binaan yang bermutu yang boleh diperkenalkan kepada negara asing. Jika ini boleh dilakukan, ia membantu meningkatkan eksport barang-barang buatan Malaysia.

Seperti dijelaskan Dr Mahathir, Malaysia menghasilkan pelbagai bahan binaan bermutu, malah 70 peratus daripada pengeluaran negara adalah untuk eksport. Dengan cara mendapat peluang menjalankan projek besar-besaran di luar negara, barang-barang berkenaan boleh dipasarkan lebih meluas. Adalah dirasakan semua ini boleh dilakukan jika setiap pengurusan syarikat bercita-cita tinggi untuk memajukan syarikat, seterusnya menaikkan nama negara.

(END)